



## **KREDIT YANG CEMERLANG #101: MEMUPUK BUDAYA KREDIT YANG SIHAT**

---

Memupuk budaya hidup kredit yang sihat adalah asas bagi mempertahankan kestabilan kewangan awda. Kredit memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang di mana ianya adalah alat kewangan yang mudah dan fleksibel bagi membantu kehidupan kewangan harian awda.

Kredit adalah pinjaman (seperti kad kredit, pinjaman pinjaman kereta dan pinjaman rumah), keupayaan untuk membuat pinjaman dan jumlah pinjaman awda. Sebagai peminjam, kredit awda adalah pada dasarnya reputasi awda. Ianya memberi gambaran kepada pemberi pinjaman kecenderungan awda untuk membayar balik pinjaman awda, di mana ia boleh membantu dalam menilai sama ada permohonan pinjaman awda dan terma kredit yang awda pohonkan dapat diluluskan atau sebaliknya.

Kredit awda mengandungi maklumat tentang sejarah pinjaman awda dan kebanyakan maklumat ini akan dapat dilihat di dalam laporan kredit awda. Mengelakkan kedudukan kredit atau pinjaman yang sihat bermakna awda perlu membuat pembayaran balik hutang pada masa yang ditetapkan secara berterusan bagi mengelakkan diri awda daripada terperangkap di dalam masalah hutang yang membebangkan. Oleh itu, setiap individu digalakkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga. Sekiranya kesejahteraan kewangan awda mula kehilangan momentum, awda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan kewangan daripada perancang kewangan profesional dari bank atau pemberi pinjaman masing-masing. Oleh itu, untuk memupuk budaya kredit yang sihat perlu bermula daripada individu itu sendiri.

Bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan, yang bertemakan “Generasi Celik Kewangan” pada 28 Mei 2016, AMBD, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) menganjurkan beberapa aktiviti di sepanjang bulan ini yang bertumpukan ke arah meningkatkan tahap kefahaman generasi muda terhadap kepentingan wang dan sikap menabung, bagi menggalakkan budaya hidup kredit yang sihat. Kita perlu mengingatkan diri kita dalam memberi perhatian kepada tanggungjawab kewangan kita: untuk membayar balik hutang atau pinjaman pada waktu yang ditetapkan; berbelanja secara berhemat dan bijaksana; mewujudkan atau membina jaringan keselamatan kewangan; dan memeriksa laporan kredit

awda secara kerap. Berikut adalah 3 panduan asas untuk mengekalkan budaya hidup kredit yang sihat:

**Pertama- Menjadi pengguna yang berhemah, bertanggungjawab dan bijaksana.** Pengguna yang berhemah adalah seseorang yang bijak berbelanja mengikut had kredit atau pinjaman dan tidak melebihi bajet yang ditetapkan, dan hanya mengambil pinjaman yang diyakini mampu untuk dibayar balik pada bank atau pemberi pinjaman. Adalah penting bagi seseorang individu untuk menangkis dugaan berbelanja mengikut gerak hati dan belajar bagaimana untuk mengenalpasti "keperluan" dan "kemahuan" awda yang sebenarnya.

**Kedua- Mula membina jaringan keselamatan kewangan awda.** Apabila seseorang individu memohon untuk mendapatkan kemudahan pinjaman, individu digalakkan untuk menabung pada masa yang sama, agar dapat membina jaringan keselamatan kewangan untuk menampung perbelanjaan yang tidak diduga. Ini akan dapat mengelakkan potensi kelambatan pembayaran-balik hutang pada bank atau institusi kewangan tersebut. Pembayaran hutang atau pinjaman yang lewat boleh menjelaskan kredibiliti atau *creditworthiness* awda. *Creditworthiness* bermaksud sejarah pembayaran awda dan jangkaan prestasi untuk membayar balik pinjaman, serta jangkaan keupayaan awda untuk membayar balik pinjaman tersebut. Dengan *creditworthiness* yang tidak memuaskan, bank-bank atau pemberi pinjaman akan menjadi kurang cenderung untuk meluluskan pinjaman awda di masa hadapan.

**Ketiga- Menyemak laporan kredit anda secara kerap.** Dengan memeriksa laporan kredit, awda akan mendapat gambaran keseluruhan komitmen pinjaman awda. Selain daripada itu, memeriksa laporan kredit awda akan membolehkan awda untuk mengesahkan maklumat kredit awda adalah betul, tepat dan terkini. Menyemak laporan kredit boleh meningkatkan keyakinan awda bahawa rekod awda adalah jelas dan betul. Memeriksa laporan kredit awda secara kerap akan membantu awda menilai dan memeriksa pembayaran pinjaman awda. Ini akan menggalakkan awda untuk membina *credit standing* dan *credit reputation* yang memuaskan. Penilaian laporan kredit yang tepat boleh membantu awda untuk memantau dan merancang perbelanjaan bulanan awda dengan cekap dan berkesan.

Biro Kredit adalah sebuah unit di bawah Jabatan Regulatori dan Penyeliaan AMBD, dan telah mula beroperasi sejak 10 September 2012. Fungsi utama Biro Kredit adalah untuk mengumpul, menyusun, menyatukan dan menyebarkan maklumat fakta berhubungan dengan kredit, atau keupayaan untuk memenuhi obligasi hutang individu atau entiti komersial. Biro Kredit menawarkan perkhidmatan *Self-Inquiry and Dispute Resolution* (SIDR) sejak September 2014. Perkhidmatan SIDR ini memberi peluang kepada individu dan entiti perniagaan untuk mengesahkan maklumat laporan kredit mereka; dan membuat sebarang pembetulan sekiranya terdapat percanggahan dalam laporan kredit tersebut.

**Individu dan entiti perniagaan** boleh memohon *Self-Inquiry Report* (SIR) di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit, Unit 1, Tingkat Bawah, Bangunan Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan. Bagi **entiti perniagaan**, awda juga boleh memohon SIR perniagaan awda di Darussalam Enterprise (DARe), Business Support Centre, Level 1, Bangunan Design & Technology, Simpang 32-37, Kampong Anggerek Desa, Bandar Seri Begawan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Biro Kredit AMBD melalui e-mel di **birokredit@ambd.gov.bn**.